



ATLET Politeknik Malaysia meraikan kejayaan menguasai acara karate dalam Sukan Karate pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SukIPT) apabila membawa pulang empat lagi pingat emas yang menjadikan keseluruhan kutipan lapan emas berjaya diraih mereka pada temasya yang kini memasuki hari kedua di Dewan Tun Abdullah Mohd

Salleh, Universiti Kebangsaan Malaysia, hari ini.

Atlet kebangsaan yang beraksi pada Sukan SEA Kuala Lumpur yang lalu, Pressy Misty Phillip menyumbang emas pertama menerusi acara kumite bawah 68 kilogram (kg) setelah mengetepikan pemenang pada Terbuka Komanwel 2017,

Nastenka Sureshar yang mewakili Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Atlet kebangsaan yang beraksi pada Sukan SEA Kuala Lumpur yang lalu, Pressy Misty Phillip menyumbang emas pertama menerusi acara kumite bawah 68 kilogram (kg) setelah mengetepikan pemenang pada Terbuka Komanwel 2017,

Nastenka Sureshar yang mewakili Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Seorang lagi jaguh karate negara, A.Somanroy turut


menepati ramalan apabila menggondol emas kedua, hari ini untuk Politeknik Malaysia apabila memenangi kumite 84kg ke atas dengan menewaskan S.Sharventharan dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Pingat emas ketiga Politeknik Malaysia diraih B.Yassaskaran selepas menundukkan wakil Universiti Taylor, S. Rubhan dalam acara kumite bawah 67kg.

Sementara itu, R. Mathevanan melengkapkan pencapaian menakjubkan Politeknik Malaysia apabila menyumbang emas keempat menerusi acara

kumite lelaki bawah 84 kg setelah menewaskan Chew Han Tiong dari USM.

Pencapaian lapan pingat emas daripada 15 acara yang dipertandingkan hampir pasti meletakkan Politeknik Malaysia



sebagai juara keseluruhan karate buat kali pertama sejak SukIPT diperkenalkan pada 2012.

Persaingan karate akan berakhiri, esok dengan dua lagi pingat emas menjadi rebutan.

Sementara itu, dalam saingan lawan pedang, Joshua Koh Jie mengotakan janji untuk menghadiahkan emas buat Universiti Nilai apabila memenangi emas epee lelaki.

Joshua nyata sukar digugat apabila mudah menewaskan Muhammad Ammarluddin Mohamad Daud dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sekali gus emas kedua untuk Universiti Nilai menerusi acara lawan pedang.

Satu lagi pingat emas yang ditawarkan menerusi acara lawan pedang iaitu kategori sabre wanita menyaksikan penggunaan atlet Universiti Sunway, Natania Tan.

Natania yang juga atlet lawan pedang Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 mudah menewaskan Ainul La fah Muhammad Taib dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Acara lawan pedang hari ini turut dihadiri tetamu diraja

Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Tuanku Muhriz yang juga merupakan Pro-Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).